

# Fahami industri perkayuan

## Lapan pensyarah ikuti lawatan sambil belajar ke pelbagai syarikat anjuran MTC



### RENCANA

Oleh Siti Salmiah A Hamid

salmiah@mediaprima.com.my

Majlis Perkayuan Malaysia (MTC) mengajurkan program lawatan sambil belajar ke pelbagai syarikat bagi meningkatkan kefahaman mengenai perhutanan Malaysia dan industri perkayuan di negara ini.

Program empat hari itu disertai lapan pensyarah dengan pengkhususan dalam bidang perhutanan, seni reka dalaman dan perabot serta seni bina.

Ia membabitkan pensyarah dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), SEGi University College (SEGi) dan KBU International College (KBU).

Lawatan itu memberi peluang pensyarah membina rangkaian berharga dan membantu menambah baik kurikulum pengajaran dengan menerapkan kajian kes amalan dan pengalaman dunia sebenar.

Ketua Pegawai Eksekutif MTC, Datuk Yeo Heng Hau berkata, program itu membolehkan pensyarah mengikuti gaya semasa meninjau peluang dan mengenal pasti cabaran dalam industri.

"Ia juga memudahkan hubungan kerja antara in-

dustri dan ahli akademik bagi meningkatkan potensi kerjasama seperti latihan kerja, penyelidikan & pembangunan (R&D).

"Usaha memastikan pelajar mengikuti perkembangan terkini mengenai isu-isu dalam persekitaran dunia sebenar bermakna melengkapkan mereka dengan pengetahuan terkini.

"Justeru, ia akan membina asas yang kukuh untuk permulaan kerjaya mereka dalam industri," katanya.

Ketua Pusat Pengajian (Seni Bina Dalaman) Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur UiTM, Dr Mohd Zafrullah Mohd Taib memuji MTC kerana menganjurkan program lawatan sambil belajar ini.

"Lawatan ke kilang sangat berguna, terutama sekali kepada pensyarah yang jarang mendapat peluang

memerhati kerja sebenar dalam pembangunan produk berasaskan kayu.

"Pengalaman amali memberikan perspektif yang berlainan daripada pembelajaran teori," katanya.

Pensyarah Kanan Fakulti Seni Kreatif & Seni Reka, SEGi, Marliana Mansor, berkata lawatan itu membolehkan peserta mendapat kefahaman mengenai pengalaman kerja sebenar.

"Program ini membolehkan saya memahami dengan jelas istilah teknikal berkaitan kayu dan mempelajari banyak pantang larang dalam kerja pertukangan kayu," katanya.

Sementara itu, MTC akan menganjurkan ceramah mengenai 'Pengurusan Hutan Secara Lestari di Semenanjung Malaysia'



LEONG dari Robin Resources Sdn Bhd menerangkan penggunaan bahan mentah dalam pengeluaran 'Medium Density Fibreboard' (MDF).



KEN TING dari Exowood Sdn Bhd menunjukkan sebahagian kayu yang dikeluarkan.

oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan 'Pensijilan Hutan di Malaysia' oleh Majlis Pensijilan Perkayuan Malaysia.

MTC boleh dihubungi melalui e-mel di council@mtc.com.my untuk maklumat lanjut.



PESERTA yang mengikuti Program Pendekatan MTC bergambar di kilang Gunung Seraya Wood Products Sdn Bhd di Pelabuhan Klang, Selangor.



TAKLIMAT disampaikan terlebih dulu mengenai perjalanan dan operasi syarikat.